

**REFORMASI**  
**INSTITUSI KETUA MASYARAKAT**  
*(Kajian Khusus Di Daerah Sarikei)*

**Disediakan Oleh :**

<b>Lily Sinta</b>	<b>91938399</b>
<b>Awangku Shahbuddin</b>	<b>91936842</b>
<b>Hj. Akhtar Khan</b>	<b>92046923</b>
<b>Kamil Bujang</b>	<b>91938765</b>
<b>Mahsen Sekam</b>	<b>91936483</b>

**Tarikh : 20 April 1996**

## PRAKATA

Semasa menjalankan kajian dan penulisan kertas projek ini, kami telah mendapat bantuan dan kerjasama daripada banyak pihak, tetapi kami hanya dapat merakamkan ucapan terima kasih kepada mereka yang berkenaan.

Pertama sekali kami ingin merakamkan terima kasih kepada Encik Nasruddin Mohammad, Ketua Kursus Diploma Pentadbiran Awam, Institut Teknologi MARA Cawangan Sarawak di atas nasihat dan perhatiannya selaku penyelia terhadap penyediaan kertas projek ini.

Terima kasih juga diucapkan kepada dua orang Pegawai Pentadbir Sarawak, Encik Mohamad Nawawi dan Encik Wilson Spilak Asui dari Pejabat Daerah Sarikei, atas ide-ide, sokongan dan kerjasama yang tidak ternilai sehingga kami dapat membukukan kajian ini.

Seterusnya, kami tidak lupa mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih atas kerjasama dan sokongan Ketua-ketua Jabatan kami yang berikut:-

1. Yang Arif Majistret Kelas 1, Henry Joseph:  
*Jabatan Kehakiman Sarikei*
2. Penolong Kanan Pengarah Kastam, Encik Radzi Choh, *Jabatan Kastam Dan Eksais DiRaja Sarikei*
3. Penolong Kanan Pengarah Kastam, Encik Ghazali Bin Osman, *Jabatan Kastam Dan Eksais DiRaja, Miri*
4. Puan Rodziah Hj Morshidi, *Lembaga Kemajuan Bintulu*

5. Tuan Haji Abu Bakar Bin Seman, *Padi Beras Nasional Berhad, Kuching*

Penghargaan yang tidak terhingga juga kami rakamkan kepada rakan-rakan sekerja yang memberi sokongan dan kerjasama mereka yang banyak membantu dalam penyiapan kertas projek ini.

Kepada suami dan isteri-isteri kami, Lau Siew Ting, Fauziah, Maimunah, Safiah dan juga Norjanah, terimakasih yang tidak ternilai diucapkan atas kesabaran, sokongan moral dan semangat yang diberikan bukan sahaja sewaktu menyiapkan kertas projek ini malah sepanjang waktu pengajian kami. Kejayaan kami adalah kejayaan kalian semua.

Walaupun kami sepakat berpuas hati bahawa kami telah dapat membukukan kajian ini dengan mendapat banyak bantuan daripada beberapa pihak, namun begitu, kajian ini tidaklah terlepas daripada kekurangan dan kelemahan. Sebagai pengkaji dan penulis kertas projek ini, hanya kami sahajalah yang bertanggungjawab terhadap segala kekurangan dan kelemahannya.

***Terima kasih.***

Lily Sinta	91938399
Awangku Shahbuddin	91936842
Haji Akhtar Khan	92046923
Kamil Bujang	91938765
Mahsin B Sekam	91936483

## **ABSTRAK**

Tumpuan kajian adalah di Daerah Sarikei. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti kelemahan-kelemahan yang ada pada institusi Ketua Masyarakat dan seterusnya mencadangkan beberapa saranan supaya institusi ini dapat berperanan dengan lebih berkesan dalam memberi perkhidmatan kepada masyarakat.

Untuk melihat sejauhmana masyarakat setempat tahu mengenai institusi Ketua Masyarakat seramai 120 orang telah dipilih secara rawak bersistematik, untuk menjawab borang soal-selidik. Data yang diperolehi telah dianalisis secara peratusan. Hasil kajian menunjukkan bahawa tidak ramai yang mengetahui fungsi dan peranan sebenar Ketua Masyarakat walaupun mereka mengetahui akan kewujudannya. Hasil kajian juga dapat mengenalpasti beberapa masalah yang dihadapi oleh institusi ini yang membabitkan keberkesanan peranan yang dimainkan olehnya dalam masyarakat. Beberapa saranan dicadangkan untuk mengatasi masalah-masalah tersebut.



# ISI KANDUNGAN

## Kandungan

## Mukasurat

Prakata	i
Abstrak	iii
Kandungan	iv
Senarai Jadual	vii
Senarai Rajah	viii
Kependekan	ix
Masalah Kajian	x
Sinopsis	xii

### **Bab 1 Institusi Ketua Masyarakat Di Negeri Sarawak**

**1**

1.	Konsep	1
2.	Syarat-syarat Perkhidmatan Ketua Masyarakat	2
	2.1. Klasifikasi	
	2.2. Fungsi	
	2.3. Penyertaan Dalam Politik	
	2.4. Skel Gaji	
	2.5. Bidangkuasa	
	2.6. Kaedah Lantikan	
	2.7. Penamatan Perkhidmatan	
	2.8. Pemecatan Dari Jawatan	
	2.9. Kelayakan Untuk Perlantikan	
	2.10. Ketidaklayakan	
	2.11. Syarat Perkhidmatan	
	2.12. Umur Persaraan	
	2.13. Lantikan-lantikan Lain	
	2.14. Mahkamah Bumiputera	
	2.15. Waktu Pejabat	
	2.16. Caruman KWSP	
3.	Situasi Di Negeri Sarawak	8
4.	Pentadbiran Undang-undang Adat Di Sarawak	11
	4.1. Sejarah Pentadbiran Undang-undang	
	4.2. Mahkamah Bumiputera	